

KEPEMIMPINAN POLITIK ISLAM DALAM
KONTEKS PARTI UMNO DAN PAS

MUSTAKIMAH BINTI HUSIN

SARJANA SAINS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2018

KEPEMIMPINAN POLITIK ISLAM DALAM
KONTEKS PARTI UMNO DAN PAS

MUSTAKIMAH BINTI HUSIN

Tesis yang dikemukakan Sebagai
Memenuhi Syarat untuk Ijazah Sarjana
Sains di Pusat Pendidikan Asas dan Liberal
Universiti Malaysia Terengganu

Januari 2018

DEDIKASI

Teristimewa untuk seluruh ahli keluarga yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan, sahabat seperjuangan dan para pensyarah yang banyak berkongsi idea, membimbing dan memberi inspirasi terutamanya penyelia utama saya, Dr. Hailan Bin Salamun serta penyelia kedua, Profesor Dr. Fadzli Bin Adam. Sumbangan dan jasa kalian tidak akan dilupakan.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti
Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan Ijazah
Sarjana Sains

**KEPEMIMPINAN POLITIK ISLAM DALAM KONTEKS PARTI
UMNO DAN PAS**

MUSTAKIMAH BINTI HUSIN

Jun 2018

Penyelia Utama : Hailan Bin Salamun, Ph.D.

Penyelia Kedua : Fadzli Bin Adam, Ph.D.

**Pusat Pengajian : Pusat Pendidikan Asas dan
Liberal**

Kepemimpinan politik Islam merupakan suatu amanah yang wajib dipikul oleh setiap individu yang memegang kuasa untuk menegakkan syariat Islam melalui sistem kenegaraan dan pemerintahan. Perbincangan mengenai survival politik masyarakat Melayu seringkali dikaitkan dengan peranan dan tanggungjawab kepemimpinan politik yang menekankan aspek penghayatan hidup menurut perspektif Islam. Namun, perkara ini masih kurang mendapat perhatian penyelidik lain. Kajian ini dilaksanakan bagi melihat amalan kepemimpinan politik Islam dalam kalangan pemimpin parti PAS dan UMNO. Tiga objektif diteliti dalam kajian ini iaitu, meninjau usaha kepemimpinan

PAS dan UMNO dalam melaksanakan tanggungjawab, meneroka amalan kepemimpinan politik PAS dan UMNO yang seiring dengan Islam dan mengenal pasti fokus amalan kepemimpinan yang ditonjolkan oleh pemimpin PAS dan UMNO. Bagi mencapai objektif kajian ini, penyelidik mengaplikasikan pendekatan kualitatif dalam pengumpulan data melalui teknik penganalisan data sekunder dan temu bual ke atas tujuh orang pemimpin UMNO dan PAS. Pemimpin yang dijadikan sampel kajian adalah mereka yang berjawatan penting dalam kepemimpinan negeri Terengganu dan negeri Kelantan. Data dianalisis dan dikoordinasi dengan menggunakan perisian komputer QSR Nvivo. Tanggungjawab kepemimpinan politik meliputi tanggungjawab bimbingan dan keterampilan manakala amalan kepemimpinan politik Islam merangkumi amalan pembudayaan ilmu, amalan pembangunan masyarakat dan amalan pengupayaan kepimpinan. Dapatan kajian menunjukkan kesemua elemen tersebut memberi kesan positif kepada pengikut parti termasuklah Jawatankuasa Parti, ahli parti, penyokong parti dan masyarakat setempat. Selain itu, terdapat perbezaan antara pemimpin UMNO dan PAS dalam amalan kepemimpinan politik Islam terhadap para pengikut parti. Hal ini secara tidak langsung mempunyai perkaitan

dengan sikap sebahagian pemimpin dalam melaksanakan tugas sebagaimana yang diamanahkan.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Malaysia Terengganu in fulfillment the requirements for the Master of Science Degree

ISLAMIC POLITICAL LEADERSHIP IN UMNO AND PAS

MUSTAKIMAH BINTI HUSIN

June 2018

Main Supervisor : Hailan Bin Salamun, Ph.D.

Co Supervisor : Fadzli Bin Adam, Ph.D.

Centre : Centre for Fundamental and Liberal Education

Islamic political leadership is a trust that must be shouldered by every individual who holds the power to enforce Islamic law through the state system and administration. The debate on the political survival of the Malays is often associated with the roles and responsibilities of political leadership that emphasize the appreciation of life from the perspective of Islam. However, the mentioned aspect lacks attention from other researchers.

This study was conducted to evaluate the practice of Islam in political leadership among the party leaders of PAS and UMNO. Three objectives are examined in this study, reviewing the efforts conducted by the leaders of PAS and UMNO in executing their responsibility, exploring PAS and UMNO's practice of Islamic political leadership and identifying the leadership focus area of the two parties leaders. To achieve the objectives of this study, the researcher applied the qualitative method in collecting data through analyzing secondary data and interviews conducted with seven leaders of UMNO and PAS. The leaders who serve as research samples are those of significant positions in the state of Terengganu and Kelantan. Data were analyzed and coordinated using the QSR Nvivo software. The responsibilities of political leadership include the obligation of guidance and efficiency while the practice of Islamic political leadership comprise the cultivation of knowledge, community development and leadership empowerment. Result of this research reveals that all of the mentioned elements provide a positive impact to the followers of the parties, including the Party Committees, party members, supporters and the local community. Besides, there are difference approach in the Islamic political leadership conducted by PAS and UMNO leaders. This indirectly relates to

some party leaders who are unable to fulfill their well-spoken promises.